

25/11/1998

Taman persinggahan untuk pemilik karavan

Dzulkfley Zanudin

CUTI sekolah yang panjang datang lagi. Anda tidak tahu ke mana sedangkan jiwa meronta untuk makan angin selepas sekian lama penat bekerja, dan anak-anak yang baru selesai peperiksaan ingin bercuti?

Selepas sekian kali melancong menaiki kapal terbang atau kereta serta kenderaan awam lain yang agak sama saja setiap tahun, mungkin anda inginkan kelainan kali ini.

Apa salahnya kali ini melancong menggunakan karavan atau kenderaan kembara serba lengkap bagaikan motel atau rumah kecil bergerak yang agak popular di Barat tetapi kurang diberi tumpuan di negara kita.

Karavan dulunya terkenal sebagai pengangkutan masyarakat gipsi di Eropah, kini sesuai dijadikan rumah bergerak tanpa perlu risau soal tempat penginapan, makan dan yang penting kenderaan.

Tahukah anda di negara kita setakat ini hanya satu tapak atau taman karavan bagi mereka yang memiliki atau menyewanya untuk berkhemah. Tempatnya ialah di Kuala Woh dekat Tapah dalam daerah Batang Padang, Perak.

Taman Persinggahan Karavan Kuala Woh dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Julai 1993, bersebelahan Hutan Rekreasi Kuala Woh yang dibuka lebih awal, iaitu 27 September 1983.

Sesuai dengan namanya sebagai taman persinggahan karavan, sebagaimana tempat letak kereta biasa, kawasan selenggaraan Jabatan Hutan Perak, khususnya Pejabat Perhutanan Batang Padang di Bidor itu menyediakan tapak selesa kepada mereka yang berkaravan.

Ini termasuk tempat letak karavan yang luas, kemudahan tempat berkhemah dan tapak mendirikan unggun api serta air paip. Setakat ini, semua kemudahan itu disediakan percuma sebagai tarikan kepada pemilik karavan yang masih boleh dibilang dengan jari.

Sebagai tarikan pemilik karavan khususnya dan pelancong amnya ke destinasi pelancongan eko Kuala Woh, Kerajaan Perak dengan kerjasama beberapa syarikat swasta mengadakan Pesta Mini Kebudayaan Sempena '4X4 International Rainforest Challenge 1998' di situ, 30 November ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Perak, Datuk Mazidah Zakaria, berkata antara kemudahan di situ ialah tapak perkemahan, pondok rehat, tandas awam, surau, tapak kolam air panas, aliran segar jernih Sungai Batang Padang, tapak bakal Muzium Perhutanan Kuala Woh, tujuh chalet yang boleh disewa serta tapak karavan selain tempat letak kereta selesa.

Sebuah titi gantung sepanjang 40 meter dibuat daripada kabel kukuh dan berlantai papan tebal turut menanti untuk dilalui bagi merasakan keunikan dan keseronokan apabila ia berhenjut ke kiri kanan ketika kita berjalan di atasnya dari tebing tapak itu ke seberang sana yang menempatkan bangunan bakal Muzium Perhutanan Kuala Woh.

Muzium itu apabila dibuka akan menempatkan pelbagai spesies pokok hutan dan hasil khazanahnya untuk menambahkan pengetahuan pengunjung ke situ.

Sekitar hutan lipur dan taman karavan itu juga banyak pokok hutan tumbuh subur menghiju seperti petai kerayong, keledang, halban, merbau dan kapur, malah benih nanas merah yang dibuang pengunjung atau dihanyutkan sungai tumbuh segar di celahan batu besar di tebing sungai di situ.

Gabungan air panas yang terjadi berikutan kehadiran belerang bawah pasir di satu bahagian tebing hutan lipur itu serta aliran air dingin nyaman suatu keistimewaan Kuala Woh berbanding Lata Iskandar dan Lata Kinjang

yang lebih terkenal dengan air terjunnya.

Keenakan berkunjung ke Kuala Woh terasa ketika mengamati dan menikmati suasana dan pemandangan aliran serta deruan air sungai di celahan batu besar yang bertaburan di kebanyakan dasar sungai.

Sementara itu, Mazidah berkata walaupun sejak dibuka difahamkan tidak ramai pemilik karavan memanfaatkan tapak itu, beliau yakin masalah itu akan dapat diatasi jika penjual karavan dapat menjualnya dengan harga lebih murah bagi menggalakkan rakyat Malaysia memiliki karavan.

"Pihak terbabit termasuk pengeluar karavan serta persatuan pemiliknya wajar menambah minat masyarakat untuk kembara atau melancong secara lebih menarik menggunakan karavan," katanya di Kuala Woh, baru-baru ini.

Jika pemilik karavan bertambah, program menarik untuk mereka seperti perhimpunan tahunan karavan boleh diadakan di taman karavan itu.

Kuala Woh boleh dijadikan pusat pengembaraan yang menarik selepas pelancong tiba di situ melalui Lebuhraya Utara-Selatan dari simpang Tapah sebelum menyusuri jalan ke Cameron Highlands. Jaraknya kira-kira 170 kilometer dari Kuala Lumpur serta 80 kilometer dari Ipoh melalui jalan raya yang berturap baik sehingga ke tapak perkemahan.

Dari situ, Mazidah memberi jaminan, misteri alam Kuala Woh terbuka luas kepada mereka yang inginkan cabaran dengan merentasi hutan atau Sungai Batang Padang ke Lata Iskandar dan Lata Kinjang, dua lagi kawasan air terjun curam yang rendah berhampiran.

Kawasan itu juga menjadi tumpuan pengumpul kupu-kupu liar di hutan Kuala Woh yang cantik dan jarang ditemui di tempat lain. Beberapa tapak semaian pokok hiasan dan buah turut beroperasi serta menjadi tarikan pelancong.

Di pinggir hutan lipur itu, pengunjung pasti tertarik dengan keramahan dan kesederhanaan kehidupan masyarakat Orang Asli suku Semai yang terkenal dengan tarian sewang dan masakan menggunakan batang buluh.

Tok Batin Kuala Woh, Elot, 63, berkata kebanyakan anak buahnya mengusahakan dusun, makan gaji serta menjual durian, petai dan khazanah rimba seperti tongkat ali mengikut permintaan orang luar serta rotan dan buluh.

Anda yang ingin melancong sewajarnya sudah mengumpul kupon kempen pengiklanan pelancongan bertemakan Ria! Ria! Ceria!...Perak ada semuanya anjuran bersama Kerajaan Perak dan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad yang disiarkan di muka 18 Berita Minggu, serta muka 7 akhbar New Sunday Times, 15 November lalu.

Iklan berserta kupon kempen itu menawarkan diskaun antara 10 hingga 50 peratus untuk penginapan dan perkhidmatan pelancongan oleh 26 syarikat atau agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Perak, Plot-PL Outdoor Adventure Team, Armo Travel & Tours Sdn Bhd, Regalodge, Blue Bay Resort, Casuarina Parkroyal Ipoh, Hotel Fair Park, Hotel Majestic Station, Heritage Acres Sdn Bhd dan Bushi Restaurant.

Turut serta Jaya Jusco Stores Bhd (Ipoh), Banding Island Resort, Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, Hillcity Hotel Management Sdn Bhd, Bukit Merah Laketown Resort, Hotel Heritage, Restoran VKK Madura, Fajar Merchandising & Services Sdn Bhd (Taiping), Hotel Anson, Legend Inn Taiping, Teluk Dalam Resort Pangkor, Hotel Syuen, Hotel Lead View, Pasar Raya Ocean (Ipoh) Sdn Bhd, Old Andersonian Club & Cafeteria dan Kompleks Sejarah Pasir Salak.

Sekiranya terlepas kupon itu, anda boleh membelinya di cawangan NSTP di seluruh negara termasuk di Ipoh di 29 Jalan Hussein, Ipoh (telefon 05-2410911/05-2540323). Marilah ke Perak yang menanti kunjungan anda.

(END)